

>>Keperihatinan ibu bapa dan masyarakat sangat dituntut iaitu kembali kepada ajaran agama sebagai benteng rohani dan jadikan anak insan yang harus dilindungi, diselamatkan dan disayangi



Dr.
Aminudin
Watoo

Kanak-kanak terbabit jenayah membimbangkan

Dalam menjalani kehidupan orang dewasa seharusnya menjadi pelindung kepada kanak-kanak, terutama bagi mereka yang belum mencapai usia baligh. Dalam usia sebegini kanak-kanak mudah terdedah dengan apa yang mereka lihat, dengar dan alami di sekeliling mereka. Oleh itu, tidak hairanlah jika mereka mudah menjadi mangsa kepada golongan yang tidak bertanggungjawab, terutama penjenayah.

Isu terbaharu episod pilu yang dipaparkan oleh akhbar Metro Ahad baru-baru ini iaitu gambar kanak-kanak makan di tepi tong sampah jadi viral di media sosial seharusnya mendapat perhatian masyarakat. Kanak-kanak itu dipercayai mencari nafkah dengan membantu orang ramai membuang sampah. Kanak-kanak itu sepatutnya bersekolah dan tidak wajar berada dan bekerja sedemikian.



Harianmetro

6/10/16

mls 30

Selain itu, terdapat juga kes jenayah pada masa kini, yang membabitkan kanak-kanak menunjukkan adanya perkembangan yang mencemaskan terhadap keselamatan sosial sama ada di Malaysia ataupun di seluruh dunia. Bagi kanak-kanak, mereka tiada pelindung bagi keselamatan mereka kecuali ibu bapa dan orang dewasa yang paling dekat dengannya.

Kajian menunjukkan pelbagai jenayah melibatkan kanak-kanak seperti jenayah culik, rogol dan liwat, penderaan, menjadi mangsa peperangan, pengguguran haram, buruh paksa, diperdagangkan, menjadi peminta sedekah, menjadi hamba dan pembunuhan. Setiap hari ada sahaja berita tentang kes jenayah dan penganiayaan melibatkan kanak-kanak yang dipaparkan oleh media massa.

Ada kes yang dapat dikesan dan dilaporkan kepada pihak polis, manakala masih banyak kes jenayah yang melibatkan kanak-kanak tidak terbongkar sehingga kanak-kanak tersebut

mengalami penderitaan sepanjang hidupnya. Kanak-kanak yang terlibat akan mengalami trauma, kegelisahan dan murung serta tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Salah satunya jenayah culik dikatakan boleh berlaku saban hari. Mengikut perangkaan Tabung Darurat Kanak-Kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), setiap hari dianggarkan lebih 3,000 kanak-kanak dari seluruh dunia diculik untuk dijadikan hamba seks, buruh kasar dan sebagainya.

Kanak-kanak juga mudah menjadi mangsa rogol dan liwat disebabkan mereka tidak tahu mengemam mangsa dan tidak memahami perlakuan tersebut yang akhirnya memusnahkan masa depan mereka. Lebih menyedihkan, mereka menjadi mangsa kepada orang yang hampir dengan mereka iaitu, bapa, abang, datuk mereka sendiri malah jiran yang paling terdekat.

Penderaan dilakukan terhadap kanak-kanak oleh kaum keluarga mereka sendiri. Biasanya penderaan

ini melibatkan penderaan fizikal, mental dan emosi. Ada kanak-kanak dipukul dan dicucuh dengan api rokok sehingga lebam seluruh badannya. Ada juga kanak-kanak sering dimarahi oleh pengasuh dan ibu bapa di sebabkan kesalahan yang kecil. Bayangkan bayi perempuan berusia lapan bulan didera dan tidak berdaya untuk mempertahankan diri

menyebabkan fizikal dan emosinya terdera sehingga dewasa. Penderaan terhadap kanak-kanak jika sabit kesalahan boleh didakwa mengikut Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan melindungi kanak-kanak yang didera apabila mendapat laporan daripada orang ramai. Setiap ahli masyarakat mestilah prihatin terhadap anak jirannya yang selalu

menangis dan jika didera segera melaporkannya kepada pihak JK M negeri yang berdekatan. Peranan jabatan ini seharusnya lebih proaktif dalam usaha melindungi kanak-kanak.

Kanak-kanak juga menjadi mangsa peperangan. Mereka ditangkap didera dan sering terdedah dengan risiko kematian. Sebagai contoh di Iraq dan Palestin

dikhabarkan tidak lama dahulu setiap hari lebih 10 kanak-kanak terkorban sama ada terkena serpihan bom atau ditembak dan menjadi mangsa semasa peperangan.

Selain itu, kanak-kanak juga sering menjadi mangsa jenayah kekejaman melalui pengguguran secara haram. Walaupun mereka belum bernyawa mereka disiksa dengan kejam melalui pengguguran haram oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan berperikemanusiaan. Lebih menyayat lagi, ada juga mayat mereka dibuang

dalam tong sampah tanpa rasa belas kasihan.

Dalam kehidupan moden, kanak-kanak juga dijadikan buruh paksa untuk bekerja dalam usia muda. Lebih memeritkan upah yang diterima tidak setimpal dan mereka dipaksa bekerja tanpa henti. Ada juga kanak-kanak menjadi mangsa sindiket peminta sedekah yang menggunakan kanak-kanak untuk mendapatkan wang. Mereka ini dipaksa meminta sedekah di restoran, gerai makan, di pusat beli-belah dan juga di masjid tanpa tindakan bagi membela mereka.

Justeru, terdapat banyak punca kenapa jenayah ini berlaku terhadap kanak-kanak. Antaranya sifat semula jadi kanak-kanak yang mudah menurut kata, masih lemah, mudah dipujuk, didekati dan akhirnya terdedah kepada pelbagai keganasan pada masa kini berbanding keadaan pada masa dahulu.

Selain itu, disebabkan kurangnya didikan dan kasih sayang ibu bapa menyebabkan kanak-kanak terbiar dan terdedah menjadi

kanak culik, rogol dan dera. Kurang keberkesanan undang-undang juga menyebabkan penjenayah sering mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak. Masyarakat juga tidak prihatin terhadap keselamatan kanak-kanak iaitu sewaktu pergi atau pulang dari sekolah secara bersendirian. Ini menyebabkan ada ruang dan kesempatan bagi penjenayah.

Masyarakat juga semakin kurang semangat kejiwaan, dan lemah dalam membentuk perpaduan komuniti yang jitu. Setiap ahli masyarakat juga tidak prihatin dan bersikap ambil mudah dengan keselamatan kanak-kanak sewaktu mereka di taman permainan, di pasar malam dan di pusat beli-belah yang mudah terdedah serta akhirnya menjadi mangsa penjenayah.

Suatu bentuk hukuman yang berkesan haruslah diwujudkan. Sikap keprihatinan masyarakat setempat mestilah lebih memfokuskan kepada keselamatan kanak-kanak, terutama bawah umur. Ibu bapa, datuk dan

FAKTA

Dianggarkan lebih 3,000 kanak-kanak dari seluruh dunia diculik untuk dijadikan hamba seks, buruh kasar

Sekat laluan perjuangan untuk dapat pembelaan

Tiada penduduk di negara ini yang kebal daripada undang-undang. Semua kita tetap terikat dengan sistem peraturan itu yang diwujudkan pemerintah untuk membolehkan rakyat hidup, bersosial dan bekerja antara satu sama lain dalam harmoni.

Undang-undang bukan ada untuk menyekat kebebasan, bukan juga menghukum orang tertentu secara membabi buta. Ia lebih kepada sistem yang mahu memastikan aturan dalam negara sentiasa rukun.

Namun adakah semua rakyat Malaysia berpegang kepada undang-undang dalam memastikan keharmonian sejagat atau bijak manipulasikannya untuk manfaat minoriti?

Saya kaitkan perkara ini dalam isu masyarakat Orang Asli di Gua Musang yang sejak minggu lalu bersungguh memperjuangkan kepentingan mereka menjaga khazanah di Hutan Simpan Balah dekat kawasan penempatan mereka.

Perang mereka bukan kecil-kecilan di situ, bahkan dipersiapkan dengan penuh taktikal supaya suara mereka nanti akhirnya didengari sehingga ke peringkat tertinggi kerajaan. Pentingnya mereka mahu ada perubahan kepada nasib etnik Temiar di situ.

Sebagai Bumiputera, Orang Asli juga berjuang supaya hak dan keistimewaan dinikmati mereka selama ini tidak dirampas akibat penerokaan hutan yang berleluasa. Mereka berperang dengan pembalakan.

Sejak 28 September lalu, lebih 200 penduduk mengadakan sekatan di



laluan keluar masuk utama balak iaitu sempadan antara Pos Penad ke Pos Tohoi yang menyaksikan kira-kira 50,000 tan metrik balak bernilai RM50 juta tidak dapat dibawa keluar.

Tindakan sekatan itu juga menyebabkan bekalan makanan dan bahan mentah untuk kira-kira 130 pekerja syarikat pembalakan sukar dihantar kerana penduduk menghalang semua kenderaan yang tidak berkenaan daripada melalui lokasi itu.

Soalnya adakah sekatan dibuat itu mengambil kira mana-mana peruntukan dalam undang-undang sedia ada? Jika ya, tidakkah peruntukan yang dirujuk itu sepatutnya bersifat menjaga keharmonian dan bukannya menimbulkan kekecohan yang seperti berlaku pada Rabu minggu lalu.

Sukar sebenarnya untuk kita merungkai sama ada Orang Asli berhak bertindak demikian (buat sekatan), memandangkan mereka

aset dilindungi mengikut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) selain peraturan lain.

Orang Asli adalah etnik yang serba serbinya perlu dijaga dan mana-mana pihak yang mengganggu penempatan mereka atau menggugat kebajikan etnik ini boleh diambil tindakan.

Namun, Orang Asli berpuluh tahun dahulu jauh berbeza dengan sekarang. Generasi terdahulu tidak 'outspoken', tidak keluar berhimpun untuk menuntut hak dan tidak juga sanggup meninggalkan kediaman demi suatu yang dipanggil perjuangan.

Mereka zaman itu berjuang dengan cara tersendiri, lebih kepada menjaga kebajikan keluarga masing-masing apatah lagi, hutan juga masih muda dan sangat kurang diterjah tangan gatal (aktiviti pembalakan).

Generasi Orang Asli kini sudah berubah. Pendidikan menjadikan mereka lebih bijak, pandai bermain dengan kesempatan dan mengatur langkah demi manfaat etnik sendiri.

Mereka buat apa yang perlu mengikut tafsiran Akta 134 dan mungkin akta-akta lain.

Dalam Akta 134 ada diperincikan kerajaan sebagai pemberi kebenaran dan pengawalselia aktiviti penempatan di kawasan penempatan Orang Asli serta peranan di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) sebagai penjaga kebajikan.

Malangnya dua organisasi ini dipersoalkan generasi Orang Asli masa kini, suara yang lahir daripada aspirasi perjuangan NGO, Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (JARINGAN).

Bagi mereka, kerajaan gagal melindungi hutan yang bukan sahaja tempat tinggal, bahkan jati diri mereka. Sementara JAKOA pula dikatakan tidak bertindak sebagai pelindung Orang Asli sejati.

Maka itu, mereka pelu berjuang atas tiket mereka sendiri dan himpunan serta sekatan begitu adalah cara mereka mendapatkan pembelaan. Sama ada berbaloi atau tidak perjuangan itu, hanya mereka boleh menafsirkannya.

Bagi saya, tiada salah kita berjuang namun perlu jujur dalam perjuangan. Biar maksudnya sampai ke hujung dan perjuangan tidak terpesong ketika di tengah-tengah perjalanan.

Juga gunakanlah undang-undang sebaiknya, demi keharmonian, bukan undang-undang untuk menambahkan lagi huru-hara dan konflik.

Semoga kita semua berjuang untuk sesuatu yang diredai.

**Penulis Ketua Biro
Harian Metro Kelantan**

Hendon nero
6/10/16
MIS 31

saudara-mara yang terdekat mestilah menjadi pelindung kepada kanak-kanak bukan menjadi 'seperti haruan

menamakan anak'.

Setiap anak memerlukan perlindungan dan keselamatan untuk menjadi dewasa. Anak-anak ingin hidup sejahtera seperti juga orang dewasa. Anak-anak memerlukan kekuatan, bimbingan, didikan dan perlindungan keselamatan untuk kelangsungan hidupnya. Sewaktu anak-anak masih kecil didiklah hati dan diri mereka dengan iman, amal dan akhlak yang baik. Anak-anak memerlukan tunjuk ajar dan didikan bukan kemarahan dan penderaan.

Natijahnya, keprihatinan yang lebih daripada ibu bapa dan masyarakat sekeliling sangat dituntut iaitu kembali kepada ajaran agama sebagai benteng rohani dan jadikan anak insan yang harus dilindungi, diselamatkan dan disayangi. Pembentukan akhlak dan peribadi manusia yang baik dalam kalangan orang dewasa akan menjadikan perasaan kasih dan sayang yang mendalam terhadap kanak-kanak.

**Penulis berkelulusan PhD
Persuratan Melayu UKM**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

